



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 5 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	THE MINISTRY OF MARINE AFFAIRS AND FISHERIES TO BE APPOINTED, NEWS, UNITED DAILY NEWS (KUCHING) -A8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	JPV SEDIA TEKNOLOGI RAWAT KUMBAHAN LADANG BABI, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	PENCEMARAN: AMARAN UNTUK PEMILIK LADANG BAI – JEFFREY, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	
4.	PIG FARM OWNERS RISK FINE OVER RIVER POLLUTIN, HOME, BORNEO POST (KK) -1	
5.	PIG FARMS WARNED OF CLOSURE IF.., NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -1	
6.	PERUNTUKAN KHAS RM150 JUTA BAGI GERAN PEMBIAYAAN, PADANAN UNTUK NELAYAN, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	PERUNTUKAN KHAS RM150 JUTA UNTUK NELAYAN, MY METRO -ONLINE	
8.	RM1.83 JUTA DIPERUNTUKKAN BINA JETI NELAYAN DI MELAKA, MALAYSIA MSN -ONLINE	
9.	RM1.83 JUTA DIPERUNTUKKAN BINA JETI NELAYAN DI MELAKA, BH -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	The Ministry of Marine Affairs and Fisheries minister to be appointed		
MediaTitle	United Daily News (Kuching)		
Date	05 Dec 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	39,116
Page No	A8	Readership	117,348
Language	Chinese	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 676
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,027



中央指定雅辛替代盧虎 接任暫攝海洋與漁業部長

(雅加达4日综合电)由于海事与投资统筹部长卢虎因有要事出国访问日本,因此中央发出指示说,由农长雅辛代替卢虎暂摄海洋与渔业部长的职务,暂摄期直至今年12月10日。

雅辛12月3日在雅加达表示,他在接任暂摄海洋与渔业部长期间的任务是为该部门的

日常政务活动护航,以期日常的工作纲领符合现有的程序按期进行。他说,“我接到总统的指令执行上述任务,另一方面,在例行的海洋与渔业活动中,我希望全部运作能如期实行。”

雅辛也催促海洋与渔业部在今年年底加速落实各项剩余的预算开支,以至2021年能着重于所落实的预算建设。他说,

“理所当然全部已列入工作纲领的概念,在今年年关的预算案有加倍努力的落实趋向,加快准备2021年预算建设项目,成为我与各相关总署长等人须关注的工作。因此我的任务是努力把2020年无论是行政上的,或者是财务上的各项活动构想或计划变为事实。这是重大的工作任务。”

Headline	JPV sedia teknologi rawat kumbahan ladang babi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Dec 2020	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 455
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,365



JPV sedia teknologi rawat kumbahan ladang babi

R. Gonzales

TUARAN: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah akan menyediakan alat teknologi berfungsi merawat kumbahan bagi mengatasi pencemaran sungai akibat pelepasan sisa kumbahan penternakan babi.

Pengarah JPV Sabah, Dr Peter Lee Ah Kong berkata, alat teknologi itu adalah kaedah terbaik bertindak melupuskan sisa kumbahan babi menerusi sistem 'Zero Discharge'.

Katanya, kumbahan tidak lagi dikeluarkan ke saluran perparitan, sebaliknya dirawat dan boleh digunakan semula menjadi bahan cuci kawasan penternakan babi.

"Ia adalah pendekatan jangka panjang selepas pihak kami menerima permohonan daripada penternak babi yang memerlukan (sistem ini).

"Bagi masa jangka pendek pula, tindakan menyalahi undang-undang akan diberi amaran serta nasihat akan dikenakan sekiranya didapati bersalah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas men-



KOLAM tercemar dipercayai akibat pembuangan sisa kumbahan babi di Kg Kapa.

gadakan tinjauan ladang penternakan babi di Kampung Mangkaladoi dan Kampung Kapa di sini, Jumaat.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah.

Menurut Dr Peter Lee, tindakan terhadap kedua-dua lokasi terbabit yang menerima banyak aduan daripada penduduk sekitar masih dalam perbincangan.

"Setakat ini, pihak kami sudah meninjau dan sudah memberi amaran serta nasihat untuk mematuhi undang-undang

bagi mengelakkan kesan tidak baik kepada penduduk sekitar," katanya.


Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Rambai Tamparuli, Decella Disin berkata, masalah pencemaran sungai di Kampung Mangkaladoi sudah berlarutan sejak 20 tahun lalu.

"Kumbahan yang dibuang ke dalam saluran parit itu menyebabkan anak sungai di Kampung Mangkaladoi, Kampung Rambai dan Kampung Bantayan sebelum menuju ke Sungai Tuaran membabitkan Kampung Damat, Kampung Limbungan dan Kampung Sawah.

"Penduduk sudah tidak berani menjalankan aktiviti di sungai akibat pencemaran semakin teruk manakala di Kampung Kapa pula, kumbahan dibuang ke dalam kolam terbiar berhampiran dan menyebabkan bau busuk kepada penduduk sekitar," ujarnya.

Dia yang mewakili lebih 5,000 penduduk sekitar berharap pihak berkuasa mengenakan tindakan yang setimpal bagi menghentikan kegiatan mencemarkan sungai serta-merta.

Headline	Pencemaran: Amaran untuk pemilik ladang babi — Jeffrey		
Media Title	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Dec 2020	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 822
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,467



Pencemaran: Amaran untuk pemilik ladang babi — Jeffrey

TAMPARULI: Dua ladang ternakan babi yang didapati menyebabkan pencemaran udara dan air di sini telah diberi amaran untuk segera memperbaiki keadaan atau berisiko didenda oleh pihak berkuasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey G. Kitingan berkata, penternak babi itu diminta untuk memperbaiki sistem pengurusan sisa kumbahan mereka berikutan aduan penduduk kampung berdekatan bahawa sisa dari ladang-ladang itu masuk ke sungai.

Semasa lawatan ke Ladang Green Farm Trading dan Ladang Jadima, Jumaat, beliau berkata walaupun kerajaan menyokong industri ini, penternak bertanggungjawab untuk memastikan ladang mereka tidak menjadi gangguan kepada jiran.

"Industri ini mesti disokong kerana Kementerian kita adalah mengenai pengeluaran makanan. Tetapi pada masa yang sama, keadaan mesti ditambah baik. Berdiri di sini saja pun, baunya sudah terlalu busuk.

"Saya dapat membayangkan apa yang penduduk kampung alami setiap hari," katanya, Jumaat.

Jeffrey berkata masalahnya terletak pada sistem pengurusan sisa di ladang-ladang itu di mana kolam pembuangan sisa melimpah ketika hujan lebat, membawa sisa berbau ke anak sungai berdekatan dan akhirnya ke sungai utama.

Baru beberapa hari yang lalu, katanya, sungai berubah menjadi hitam serta berbau busuk dan penduduk kampung menyalahkan keadaan itu kepada ladang babi.

Kedua-dua ladang ini memiliki jumlah kolam yang minimum untuk merawat sisa kumbahan dan Jeffrey berkata masalah itu dapat diselesaikan dengan mudah dengan mengurangkan jumlah ternakan dan



JEFFREY (kanan dengan kaca mata hitam) melawat ladang babi di Tamparuli pada Jumaat.

menggunakan tanah sedia ada untuk membina lebih banyak kolam.

"Ini adalah pertanian bertanggungjawab dan bukan keuntungan semata-mata. Penyelesaian jangka pendek adalah dengan menggunakan trak pam septik setiap kali mana-mana kolam sisa itu hampir penuh. Ini adalah cara bertanggungjawab untuk menguruskan sisa dan bukannya membuang lebihannya ke dalam sungai.

"Ini mesti dilakukan dengan segera. Tidak perlu tunggu sehingga aduan lain dibuat sebelum penternak babi tergesa-gesa untuk bertindak.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah telah pun memberi nasihat kepada kedua-dua pemiliknya. Sekiranya mereka masih tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP), mereka boleh didenda oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) atau diarah untuk menghentikan operasi," katanya.

Jeffrey berkata Kementeriannya melalui JPV akan terus memantau keadaan bukan

saja di dua ladang babi di Tamparuli itu tetapi di seluruh Sabah, untuk memastikan penternak mengawal pencemaran pada tahap sifar.

Menurut rekod Kementerian, industri penternakan babi Sabah bernilai sekitar RM200 juta setiap tahun dan menghasilkan kira-kira 95 peratus keperluan negeri. Terdapat 42 ladang babi berdaftar pelbagai saiz di seluruh Sabah.

Pada masa akan datang, Jeffrey berkata kerajaan akan menyeragamkan industri dengan memusatkannya di satu kawasan.

"Kami telah pun memiliki 500 ekar di Tongod untuk diwartakan sebagai kawasan penternakan babi. Sabah perlu mempunyai pusat utama ternakan babi. Pusat ini akan menggunakan teknologi ternakan babi moden yang digunakan di seluruh dunia.

"Ini akan menyediakan persekitaran terbaik untuk membesarkan, memberi makan, perumahan, dan menjaga babi. Lebih penting lagi, pusat ini akan memastikan pencemarannya minimum," katanya.

Headline	Pig farm owners risk fine over river pollution		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	05 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,823
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,470



Jeffrey (right) during a visit to one of the pig farms in Tamparuli blamed by villagers for river and air pollution.

Pig farm owners risk fine over river pollution

TAMPARULI: The two pig farms blamed for the air and water pollution in the district have been warned to immediately rectify the situation or risk being fined by the authority.

In a statement here yesterday, Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan said the pig farmers had been told to improve their waste management system following complaints from nearby villages that waste from the pig farms found its way into the river.

During a visit to Ladang GreenFarm Trading and Ladang Jadima here yesterday, Jeffrey said that while the government is supportive of the industry, farmers have the responsibility to ensure their farms would not become a nuisance to their neighbours.

"The industry must be supported because our ministry is all about food production. But at the same time, the situations must be improved. Even standing here, the stench is unbearable. I can only imagine what the villagers must endure every day," he said.

Jeffrey said the problem lies with the farms' waste system where the ponds will overflow during heavy rain, carrying the

smelly waste into the nearby streams and eventually into the main river.

Only a few days ago, the river turned black and smelly and villagers blamed the condition squarely on the nearby pig farms.

Both farms have the minimal number of ponds to treat waste and Jeffrey said the problem could easily be resolved by reducing the number of livestock and use the available lands to build more ponds.

"It is about responsible farming and not about profit only. Another short-term solution would be to engage septic pumper trucks whenever any of the waste ponds about to fill up. This is a responsible way of managing waste instead of dumping the excess into the river.

"This must be done immediately. No need to wait until another complaint is lodged before the pig farmers scramble for ways to appease their neighbours.

"The Sabah Veterinary Services Department (DVS) had already advised both owners. If they still fail to abide by the standard operating procedures (SOPs), they could be fined by the Environment Protection Department (EPD) or ordered to cease operation by the

local authorities," he said.

However, he said his ministry through the DVS will continue to monitor the situations, not only in the two pig farms in Tamparuli but all over Sabah, to ensure the farmers keep the pollution at zero level.

According to the ministry's record, Sabah swine husbandry industry is worth around RM200 million annually and produces about 95 percent of the state's need.

In total, there are 42 registered pig farms of various sizes all over Sabah.

In the future, Jeffrey said the government will be streamlining the industry by centralising it in one area only.

"We already have a 500 acres land in Tongod to be gazetted as pig farming area. Sabah needs to have a major centre for pig farming. This centre would use modern pig farming technology that has been used all over the world.

"It would provide the best possible environment for raising, feeding, housing, and caring for pigs throughout all stages of their lives. More importantly, the centre would ensure the pollution would be minimal," he said.

Headline	Pig farms warned of closure if...		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	05 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,535
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,606



Pig farms warned of closure if...

TAMPARULI: Two pig farms singled out for air and water pollution here have been warned to immediately rectify the situation or risk being fined by the authority.

State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Jeffrey G. Kitingan said the pig farmers were told to improve their waste management system following complaints from nearby villagers that waste from the farms found its way into the river.

During a visit to Ladang Green Farm Trading and Ladang Jaidima, Friday, he said while the government is supportive of the industry, farmers have the responsibility to ensure their farms would not become a nuisance to neighbours.

"The industry must be supported because our ministry is all about food production. But at the same time, the situation must be improved. Even standing here, the stench is unbearable.

"I can imagine what the villagers must endure every day," he said, Friday.

Jeffrey said the problem lies with the farms' waste system where the ponds overflow during heavy rain, carrying the smelly waste into the nearby streams and eventually into the main river. Only a few days ago, he said, the river turned black and smelly and villagers blamed the condition squarely on the pig farms.

Both farms have the minimal number of ponds to treat waste and Jeffrey said the problem could easily be resolved by reducing the number of livestock and use the available land to build more ponds.

"It is about responsible farming and not profit only. Another short-term solution would be to engage septic pumper trucks whenever any of the waste ponds are about to fill up. This is a responsible way of managing waste instead of dumping the excess into the river.

"This must be done immediately. No need to wait until another complaint is lodged before the pig farmers scramble for ways to appease their neighbours.

"The Sabah Veterinary Services Department (DVS) had already advised both owners. If they still failed to abide by the standard operating procedures (SOPs), they could be fined by the Environment Protection Department (EPD) or ordered to cease operations," he said.

Jeffrey said his Ministry through the DVS would continue to monitor the situation not only in the two pig farms in Tamparuli but all over Sabah, to ensure these farmers keep the pollution at zero level.

According to the ministry's record, Sabah swine husbandry industry is worth around RM200 million annually and produces about 95pc of the state's need. There are 42 registered pig farms of various sizes all over Sabah.

In the future, Jeffrey said the government would be streamlining the industry by centralising it in one area.

"We already have 500 acres in Tongod to be gazetted as pig farming area. Sabah needs to have a major centre for pig farming. This centre would use modern pig farming technology used all over the world.

"It would provide the best possible environment for raising, feeding, housing, and caring for pigs. More importantly, the centre would ensure the pollution will be minimal," he said.



Dr Jeffrey (right) visiting the pig farms in Tamparuli on Friday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

Peruntukan khas RM150 juta bagi geran pembiayaan, padanan untuk nelayan



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kiri) menyampaikan kit makanan barangan keperluan asas kepada nelayan Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong, hari ini. Pada program itu, lebih 100 nelayan menerima kit makanan berkenaan sebagai tanda penghargaan serta meringankan beban mereka. -- fotoBERNAMA (2020) HAK CIPTA TERPELIHARA

JASIN, 5 Dis -- Peruntukan khas sebanyak RM150 juta dalam bentuk geran pembiayaan dan padanan menerusi Belanjawan 2021 mampu meringankan beban nelayan sekali gus memastikan sumber makanan negara mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM100 juta

diperuntukkan untuk semua nelayan Zon A, B dan C dalam bentuk geran pembiayaan menerusi Agrobank.

Beliau berkata faedah sebanyak 3.5 peratus dikenakan bagi tempoh pembayaran balik antara tiga hingga 10 tahun menerusi pinjaman berkenaan.

"Baki peruntukan sebanyak RM50 juta pula diberikan dalam bentuk geran padanan sehingga RM70,000 bagi menaik taraf peralatan, pukat dan bot supaya hasil tangkapan dapat dipertingkatkan selain keselamatan mereka turut terjamin.

"Sebanyak 50 peratus daripada nilai peralatan akan dibiayai di bawah geran berkenaan manakala baki 50 peratus lagi akan ditanggung nelayan," katanya kepada pemberita selepas Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong di sini, hari ini.

Pada majlis itu, lebih 100 nelayan yang menyertai program berkenaan menerima kit bantuan makanan berupa barangan keperluan asas bagi meringankan beban nelayan akibat ketidakpastian ekonomi kesan COVID-19.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi pembinaan baharu Jeti Nelayan Tanjung Nibong selain peruntukan berjumlah RM16,000 daripada kerajaan negeri Melaka bagi pembinaan baharu pondok pengawal di jeti tersebut.

Katanya sehingga November lepas, MAFI telah menyalurkan sebanyak RM1.83 juta di bawah Projek Rangsangan Ekonomi dan kerja-kerja menaik taraf atau membaik pulih infrastruktur di 13 jeti pendaratan ikan di Melaka.

"Selain itu, peruntukan berjumlah RM626,259 turut disalurkan daripada Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka bagi menaik taraf atau membaik pulih komponen jeti pendaratan ikan di negeri ini melibatkan tujuh lokasi," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2020	MY METRO	ONLINE	

Peruntukan khas RM150 juta untuk nelayan [METROTV]



BERNAMA

Jasin: Peruntukan khas sebanyak RM150 juta dalam bentuk geran pembiayaan dan padanan menerusi Belanjawan 2021 mampu meringankan beban nelayan sekali gus memastikan sumber makanan negara mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk semua nelayan Zon A, B dan C dalam bentuk geran pembiayaan menerusi Agrobank.

Beliau berkata, faedah sebanyak 3.5 peratus dikenakan bagi tempoh pembayaran balik antara tiga hingga 10 tahun menerusi pinjaman berkenaan.

"Baki peruntukan sebanyak RM50 juta pula diberikan dalam bentuk geran padanan sehingga RM70,000 bagi menaik taraf peralatan, pukot dan bot supaya hasil tangkapan dapat dipertingkatkan selain keselamatan mereka turut terjamin.

"Sebanyak 50 peratus daripada nilai peralatan akan dibiayai di bawah geran berkenaan manakala baki 50 peratus lagi akan ditanggung nelayan," katanya kepada pemberita selepas Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong di sini, hari ini.



AHMAD Hamzah (tengah) meninjau kawasan jeti nelayan selepas Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi pembinaan baharu Jeti Nelayan Tanjung Nibong. FOTO BERNAMA

Pada majlis itu, lebih 100 nelayan yang menyertai program berkenaan menerima kit bantuan makanan berupa barangan keperluan asas bagi meringankan beban nelayan akibat ketidakpastian ekonomi kesan Covid-19.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi pembinaan baharu Jeti Nelayan Tanjung Nibong,

selain peruntukan berjumlah RM16,000 daripada kerajaan negeri Melaka bagi pembinaan baharu pondok pengawal di jeti itu.

Katanya, sehingga November lepas, MAFI sudah menyalurkan sebanyak RM1.83 juta di bawah Projek Rangsangan Ekonomi dan kerja-kerja menaik taraf atau membaik pulih infrastruktur di 13 jeti pendaratan ikan di Melaka.

"Selain itu, peruntukan berjumlah RM626,259 turut disalurkan daripada Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka bagi menaik taraf atau membaik pulih komponen jeti pendaratan ikan di negeri ini membabitkan tujuh lokasi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2020	MALAYSIA MSN	ONLINE	

RM1.83 juta diperuntukkan bina jeti nelayan di Melaka



© Provided by Berita Harian Ahmad Hamzah (dua dari kanan) ketika lawatan kerja di Pengkalan Nelayan Tanjung Nibong Telok Mas, Melaka.- Foto/Oqmal Haqim Rosmanbhnews@nstp.com.my

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sudah memperuntukkan sejumlah RM1.83 juta di bawah Projek Rangsangan Ekonomi bagi menaik taraf serta membaik pulih infrastruktur di 13 jeti pendaratan ikan di Melaka.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata jumlah berkenaan termasuk membina sebuah jeti nelayan baharu di Tanjung Nibong, Telok Mas di sini berjumlah RM300,000 yang disalurkan

menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Katanya, peruntukan tambahan berjumlah RM16,000 lagi disediakan untuk jeti berkenaan bagi membina pondok pengawal disumbangkan kerajaan negeri.

"Sejumlah RM626,259 daripada Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka turut disalurkan bagi menaik taraf serta membaik pulih komponen jeti pendaratan ikan di negeri ini di tujuh lokasi di Melaka," katanya selepas Program Sembang Santai Nelayan di Jeti Nelayan Tanjung Nibong, Telok Mas di sini, semalam.

Ahmad berkata, kementerian itu ketika ini sedang melakukan proses pemutihan terhadap permohonan nelayan bagi mendapatkan lesen.

Katanya, ia susulan rungutan dibangkitkan oleh nelayan berlesen, sekali gus menjadi isu hangat antara golongan itu dengan nelayan yang belum berdaftar walaupun sudah berkecimpung dalam bidang berkenaan sejak sekian lama.

"Ini polisi kementerian selepas kita membuat pemutihan dan menggugurkan nama yang sudah meninggal dunia atau sakit terantar, kita akan masukkan nama pemohon baharu selepas menjalani temuduga dikendalikan Jabatan Perikanan.

"Keutamaan diberikan kepada nelayan tidak mempunyai apa-apa pendapatan untuk diberi lesen," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

RM1.83 juta diperuntukkan bina jeti nelayan di Melaka



Ahmad Hamzah (dua dari kanan) ketika lawatan kerja di Pengkalan Nelayan Tanjung Nibong Telok Mas, Melaka.- Foto/Oqmal Haqim Rosman

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sudah memperuntukkan sejumlah RM1.83 juta di bawah Projek Rangsangan Ekonomi bagi menaik taraf serta membaik pulih infrastruktur di 13 jeti pendaratan ikan di Melaka.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata jumlah berkenaan termasuk membina sebuah jeti nelayan baharu di Tanjung Nibong, Telok Mas di sini berjumlah RM300,000 yang disalurkan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Katanya, peruntukan tambahan berjumlah RM16,000 lagi disediakan

untuk jeti berkenaan bagi membina pondok pengawal

disumbangkan kerajaan negeri.

"Sejumlah RM626,259 daripada Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka turut disalurkan bagi menaik taraf serta membaik pulih komponen jeti pendaratan ikan di negeri ini di tujuh lokasi di Melaka," katanya selepas Program Sembang Santai Nelayan di Jeti Nelayan Tanjung Nibong, Telok Mas di sini, semalam.

Ahmad berkata, kementerian itu ketika ini sedang melakukan proses pemutihan terhadap permohonan nelayan bagi mendapatkan lesen.

Katanya, ia susulan rungutan dibangkitkan oleh nelayan berlesen, sekali gus menjadi isu hangat antara golongan itu dengan nelayan yang belum berdaftar walaupun sudah berkecimpung dalam bidang berkenaan sejak sekian lama.

"Ini polisi kementerian selepas kita membuat pemutihan dan menggugurkan nama yang sudah meninggal dunia atau sakit terlanjar, kita akan masukkan nama pemohon baharu selepas menjalani temuduga dikendalikan Jabatan Perikanan.

"Keutamaan diberikan kepada nelayan tidak mempunyai apa-apa pendapatan untuk diberi lesen," katanya.